



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TERJEMAHAN KATA KERJA BERPREPOSISI ARAB-MELAYU
DALAM KITAB MUSTIKA HADIS RASULULLAH S.A.W***

MUHAMMAD HAFIZ BIN BAKAR

FBMK 2012 30

**TERJEMAHAN KATA KERJA BERPREPOSISI ARAB-MELAYU DALAM
KITAB MUSTIKA HADIS RASULULLAH S.A.W**



Oleh

MUHAMMAD HAFIZ BIN BAKAR

**Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

April 2012

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**TERJEMAHAN KATA KERJA BERPREPOSISI ARAB-MELAYU DALAM
KITAB MUSTIKA HADIS RASULULLAH S.A.W**

Oleh

MUHAMMAD HAFIZ BIN BAKAR

April 2012

Pengerusi : Prof. Madya. Muhammad Fauzi Jumingan, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengkaji terjemahan kolokasi Arab-Melayu terhadap hadis-hadis yang terkandung dalam kitab Mustika Hadis Rasulullah S.A.W. Terjemahan kolokasi yang difokuskan ialah kata kerja (kk) yang berpadanan dengan kata sendi (ks) Arab berdasarkan kerangka kajian yang telah dilakukan oleh Hassan Ghazala dalam *Maqalat fi al-Tarjamah wa al-Uslubiyyah*. Berdasarkan objektif kajian yang dihasilkan dalam dapatan kajian, sememangnya terdapat kolokasi kk yang berpadanan dengan ks Arab dalam teks hadis yang terkandung dalam mukaddimah dan jilid satu kitab Mustika Hadis S.A.W, iaitu sebanyak 112 teks hadis mempunyai kolokasi kk yang berpadanan dengan ks Arab daripada 185 teks hadis yang dikaji. Daripada 112 teks hadis ini, kajian mendapati kolokasi padanan kk telah berpadanan dengan tujuh ks Arab, iaitu **فِي، عَنْ، عَلَى،** **بِ، إِلَى، مِنْ،** dan **لِ** yang dapat diklasifikasikan kepada empat bahagian, pertama, kk yang berpadanan dengan satu ks Arab, kedua, kk yang berpadanan dengan dua ks Arab,

ketiga, kk yang berpadanan dengan tiga ks Arab, dan keempat, kk yang berpadanan dengan empat ks Arab. Berdasarkan kolokasi kk yang berpadanan dengan ks Arab ini yang dikaji dari aspek terjemahan ke bahasa Melayu menggunakan teori terjemahan semantik dan komunikatif, kajian mendapati lapan keadaan terjemahan makna telah ditemui yang meliputi pengekalan makna, perubahan makna, dan pengguguran makna. Kajian ini juga mendapati peratus keseluruhan bagi nilai tepat dan hampir tepat bagi kolokasi kk yang berpadanan dengan ks Arab dari segi terjemahan teks hadis dan berdasarkan makna yang terdapat dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) adalah sebanyak 179 bersamaan 83.64% berbanding dengan peratus nilai ketidaktepatan antara terjemahan teks hadis dengan makna yang terdapat dalam KBAMD adalah sebanyak 35 bersamaan 16.35%. Keputusan ini menunjukkan bahawa Kitab Mustika Hadis Rasulullah S.A.W yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dapat diterima dan difahami maknanya dan menampakkan KBAMD merupakan kamus yang berwibawa untuk menterjemahkan bahasa Arab ke bahasa Melayu.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur hanya kepada Allah Ta'ala tuhan sekalian alam.. Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta mereka yang mengikuti Baginda hingga ke hari Qiamat. Terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi Bin Jumingan kerana memberi peluang kepada saya untuk belajar bersamanya dan membimbing saya dalam mencapai kesempurnaan dalam penyediaan penulisan tesis ini. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Dr. Che Radiah Binti Mezah dan Dr. Reha Binti Mustafa yang sama-sama membantu saya dengan memberi tunjuk ajar dan cadangan serta kritikan yang membina dalam memperbaiki tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada emak dan abah yang sentiasa mendorong saya supaya berusaha bersungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu perkara. Semoga roh kedua-duanya sentiasa mendapat limpahan rahmat Allah hendaknya. Kepada isteri yang tercinta, Natasha Binti Mohd Nushi serta anak-anak, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kerana sentiasa menyokong dan memberi semangat untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang telah mengajar saya serta rakan guru Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya yang menyokong, memberikan idea, dan semangat untuk menamatkan penyelidikan tesis ini. Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah membantu saya dalam penyelidikan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga taufiq, hidayah, dan rahmat Allah sentiasa bersama kalian.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **13 April 2012** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Muhammad Hafiz Bin Bakar** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “**Terjemahan Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah S.A.W**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Doktor Falsafah Sastera Bahasa Arab**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd. Rauf bin Hassan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tengku Ghani Tengku Jusoh, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 Jun 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Doktor Falsafah Sastera Bahasa Arab**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Reha Binti Mustafa, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

MUHAMMAD HAFIZ BIN BAKAR

Tarikh : 13 April 2012

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PENGAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SINGKATAN PERKATAAN	xviii
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Persoalan Kajian	21
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	23
1.7 Batasan Kajian	25
1.8 Definisi Operasional	26
1.8.1 Kolokasi	26
1.8.2 Kata Kerja	27
1.8.3 Kata Sendi	28
1.8.4 Hadis	29
1.8.5 Terjemahan Semantik	30
1.8.6 Terjemahan Komunikatif	32
1.9 Kesimpulan	34
2 SOROTAN KAJIAN LITERATUR	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Masalah Penterjemahan Kolokasi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Teks Tafsir	40
2.3 Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevan	44
2.4 Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera	48
2.5 Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab dalam Kitab <i>La Tahzan</i> : Satu Analisis Bandingan	51
2.6 Ketepatan Terjemahan Idiom Arab dalam Novel <i>Abbasah</i>	54

2.7 Analisis Idiom dalam Bahasa Arab	56
2.8 Perubahan Makna Leksikal Kata Kerja Bahasa Indonesia dari Bahasa Arab	58
2.9 Analisis Kritis	60
2.9.1 Bahagian Pertama: Perbandingan Kolokasi dengan Idiom	61
2.9.2 Bahagian Kedua: Kerelevanan Kajian-kajian Lepas Terhadap Kajian “Terjemahan Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah S.A.W”	72
2.10 Kesimpulan	76
3 METODOLOGI KAJIAN	78
3.1 Pengenalan	78
3.2 Reka Bentuk Kajian	79
3.3 Kajian Korpus	80
3.4 Korpus Kajian	81
3.5 Rasional Pemilihan Korpus	82
3.6 Reka Bentuk Kajian Korpus	86
3.7 Analisis Data	88
3.7.1 Analisis Kontrastif	88
3.7.2 Teori Terjemahan Semantik dan Terjemahan Komunikatif	91
3.8 Kerangka Konsep	96
3.9 Prosedur Pelaksanaan Kajian	99
3.10 Tatacara Pengumpulan Data	100
3.11 Prosedur Penganalisan Data	102
3.12 Kesimpulan	104
4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	105
4.1 Pengenalan	105
4.2 Objektif Pertama	105
4.3 Objektif Kedua	107
4.3.1 Peringkat Pertama	108
4.3.2 Peringkat Kedua	109
4.4 Objektif Ketiga	125
4.4.1 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [فِي]	127
4.4.2 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [عَلَى]	134
4.4.3 Kolokasi kk yang Berpadanan k dengan s [عَنْ]	139
4.4.4 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [مِنْ]	144
4.4.5 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [إِلَى]	148
4.4.6 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [بِ]	154
4.4.7 Kolokasi kk yang Berpadanan dengan ks [لِ]	160
4.5 Objektif Keempat	168
4.6 Kesimpulan	223

5 RUMUSAN DAN CADANGAN	231
5.1 Pendahuluan	231
5.2 Rumusan	232
5.3 Cadangan	239
5.3 1 Cadangan Kajian Lanjutan	241
5.4 Kesimpulan	243
RUJUKAN	246
LAMPIRAN	258
BIODATA PELAJAR	310

